

GARIS PANDUAN PELESENAN

GARIS PANDUAN LESEN HIBURAN

1. Had masa operasi Pusat Hiburan adalah sehingga jam 1:00 pagi. Selepas waktu operasi, pengusaha hanya dibenarkan untuk melakukan kerja-kerja pembersihan sahaja.
2. Lanjutan waktu sehingga jam 3.00 pagi hanya dibenarkan di kawasan zon hiburan dan hotel bertaraf 5 bintang ke atas sahaja dengan mendapat kebenaran secara bertulis daripada pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).
3. Pencahayaan di dalam premis hendaklah mempunyai keterangan melebihi 300 Lux (sama dengan tahap keterangan normal bagi sebuah pejabat) dan tiada sebarang lampu warna dibenarkan dipasang di premis.
4. Penggunaan bilik-bilik khas atau sekatan-sekatan adalah tidak dibenarkan. Jika ada keperluan, dinding hendaklah dibuat daripada cermin terang yang mempunyai tahap ketelusan cahaya melebihi 70%. Penggunaan langsir atau cermin gelap dilarang sama sekali.
5. Hendaklah mengambil langkah-langkah praktikal bagi menghapuskan kacauganggu bunyi bising.
 - a) Premis hendaklah dipasang dinding dan siling kedap bunyi (sound proof).
 - b) Pintu hendaklah sentiasa ditutup semasa perniagaan dijalankan.
 - c) Pintu dilaluan utama keluar masuk hendaklah dari jenis 'self-closing double door'.
 - d) Bunyi hasil daripada aktiviti hiburan yang disediakan hendaklah tidak melebihi 5 dBA (leq) daripada paras bunyi latar belakang di sekitar premis tersebut pada waktu malam.
6. Memastikan sistem pengudaraan teratur dan selamat dan mengemukakan kepada Pegawai Pelesenan:
 - a) Spesifikasi penyaman udara, kapasiti dan bilangannya.
 - b) Spesifikasi ruang udara bersih (Exhaust Air Outlet), kapasiti dan bilangannya.
 - c) Spesifikasi ruang udara bersih (Fresh Air Outlet), kapasiti dan bilangannya.
 - d) Luas isi padu premis tersebut.
 - e) Spesifikasi apa-apa peralatan tambahan untuk pembersihan udara seperti 'Loniser' dan 'Airfilter'.
7. Perkhidmatan Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) dari kalangan wanita atau pondan adalah dilarang sama sekali.
8. Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun adalah dilarang untuk memasuki mana-mana Pusat Hiburan kecuali ditemani oleh ibubapa atau penjaga yang sah.

9. Premis hendaklah sentiasa berada di dalam keadaan bersih dan selamat.
10. Tiada apa-apa unsur berbentuk seks, lucah dan ganas di premis.
11. Larangan merokok di dalam premis.
12. Larangan menjual dan menyediakan minuman keras di premis melainkan dengan kebenaran pihak MPKj.
13. Larangan orang mabuk masuk atau berada di dalam premis.
14. Peti pertolongan cemas yang lengkap hendaklah disediakan.
15. Papan tanda larangan merokok dan larangan kanak-kanak bawah umur daripada memasuki premis hendaklah dipamerkan di tempat-tempat yang mudah dilihat.
16. Sentiasa memastikan aktiviti hiburan yang diadakan tidak menyebabkan kesesakan atau bahaya kepada lalulintas.
17. Pengusaha hendaklah memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara sepanjang tempoh pusat hiburan tersebut beroperasi.
18. Menyediakan tandas hendaklah bersih, sempurna dan mencukupi serta berasingan antara lelaki dan wanita.
19. Tiada apa-apa unsur berbentuk perjudian.
20. Larangan mana-mana orang yang berpakaian tidak sopan daripada masuk atau berada didalam premis.
21. Sebarang tambahan atau pindaan ke atas bangunan hendaklah mendapatkan kebenaran Pihak MPKj
22. Premis yang dilesenkan tidak dibenarkan dijadikan tempat penginapan.
23. Menyediakan tong sampah jenis biasa (3 kaki padu) dan tong dinding dengan bilangan yang mencukupi dan hendaklah dikosongkan seberapa kerap yang mungkin.
24. Menyediakan tempat yang bersih dan selamat untuk pekerja.
25. Larangan membina gerai dan warung didalam pusat hiburan.
26. Bilangan mesin permainan tidak boleh melebihi yang dilesenkan.

27. Bilangan orang yang dibenarkan berada didalam premis hendaklah dihadkan / dikawal agar tidak penuh sesak.
28. Larangan manipulasi.
29. Hanya hiburan dan permainan yang diluluskan sahaja dibenarkan diadakan di dalam premis.
30. Pengusaha adalah sentiasa tertakluk pada Undang-Undang dan Peraturan yang ditetapkan oleh pihak MPKj dari masa ke semasa.
31. Menyediakan notis
 - i. Larangan merokok;
 - ii. Waktu operasi;
 - iii. Larangan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun; dan
 - iv. Larangan berpakaian seragam sekolah.
32. Kelulusan yang diberi adalah dari tempoh setahun ke setahun sahaja.